

Pahang perlu RM3 bilion untuk tukar semua paip usang



Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, menggulung perbahasan Belanjawan Negeri Pahang 2026 pada Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat DUN Pahang ke-15 di Wisma Sri Pahang, Kuantan. - NSTP/MUHAMMAD DELIMA ATAN

KUANTAN: Sejumlah RM3 bilion diperlukan untuk menukar paip usang di Pahang, yang menjadi punca kehilangan air selama ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata Pahang mempunyai jajaran paip sepanjang 15,423 kilometer (km) dengan 23 peratus daripadanya adalah paip simen asbestos (AC) yang usang.

"Paip usang punca utama berlaku kejadian paip pecah dan kehilangan air fizikal yang menyumbang kepada angka air tidak berhasil (NRW) yang tinggi.

"Kalau boleh memang kita nak tukar semuanya sekali gus tetapi kosnya sekitar RM3 bilion, maka kita laksanakan secara berperingkat.

"Tahun ini, Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) menukar paip usang sepanjang 259.7 km, termasuk di FELCRA Tembeling Tengah, Jerantut," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi penggulungan Belanjawan Pahang 2026 Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang Ke-15 di Wisma Sri Pahang di sini, hari ini.

Menyentuh isu NRW termasuk paip pecah, paip usang dan kehilangan air secara fizikal, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri sentiasa berusaha menurunkan kadar NRW pada tahap lebih baik dan berdaya saing.

"Fokus utama sebelum ini adalah memastikan rakyat menerima bekalan air terlebih dahulu.

"Oleh itu, PAIP menyelesaikan permasalahan di peringkat sumber, menstabilkan kapasiti agihan dan memastikan tekanan air mencukupi di seluruh kawasan," katanya.